



SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

24 SEPTEMBER 2019

MAKLUMAT MENGENAI INDEKS PENCEMAR UDARA (IPU) UNTUK MAKLUMAT KEPADA ORANG AWAM

Putrajaya, 24 September 2019 – Siaran media ini adalah untuk memaklumkan mengenai Indeks Pencemar Udara (IPU) bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dalam kalangan orang awam. Maklumat-maklumat yang akan diterangkan adalah tentang kaedah pengiraan IPU, perbezaan bacaan IPU dengan jarak ketampakan serta penafian kepada dakwaan sesetengah pihak bahawa data IPU daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah tidak tepat.

IPU dikira berdasarkan kepada purata kepekatan bahan pencemar udara mengikut standard yang telah ditetapkan mengikut protokol antarabangsa. Setiap nilai parameter yang telah dipuratakan mengikut tempoh masa tertentu akan dikira menggunakan formula dan dihasilkan sebagai sub-indeks. Mana-mana sub-indeks yang tertinggi daripada 6 parameter yang diukur akan dipilih sebagai Indeks Pencemar Udara iaitu IPU.

Dalam keadaan jerebu, habuk halus PM2.5 adalah sebagai pencemar udara yang dominan dan biasanya dipilih sebagai indeks utama kerana nilainya akan menjadi lebih tinggi berbanding nilai sub-indeks parameter pencemar yang lain. Kepekatan PM2.5 akan dipuratakan dalam tempoh 24 jam sebelumnya dengan mengambilkira faktor pendedahan kepada kesihatan awam dan kaedah formula pengiraan yang digunakan adalah berdasarkan kepada standard United States Environmental Protection Agency (US EPA).

Didapati masa kini orang awam juga turut merujuk sumber lain untuk bacaan IPU yang didapati mempamerkan kepekatan habuk PM2.5 dalam unit mikrogram per meter padu ($\mu\text{g}/\text{m}^3$) sedangkan kepekatan habuk pada masa tertentu bukanlah IPU. Sumber-sumber ini juga dikhuatiri mengguna pakai alat dan kaedah yang tidak ditentukan oleh mana mana pihak bertauliah.

Sehubungan itu, JAS ingin menegaskan bahawa bacaan IPU yang dipaparkan adalah benar dan sama sekali tiada penipuan kerana sistem pengawasan kualiti udara Malaysia adalah ditentukan dan berdasarkan standard protokol antarabangsa.

Apa-apa rujukan mengenai bacaan IPU haruslah merujuk kepada Air Pollution Management System (APIMS) di laman web JAS atau di aplikasi MyIPU sekiranya melayari melalui telefon pintar atau peranti.

-----Tamat-----

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

24 September 2019